

**WAKAF ZURRI DI MALAYSIA: PENSYARIATAN,
REALITI PELAKSANAAN DAN
PENGKOMERSIALAN MASA HADAPAN**

**ZURRI WAQF IN MALAYSIA: SYARIAH RULINGS,
IMPLEMENTATION REALITY,
AND FUTURE COMMERCIALISATION**

MUHAMMAD HISYAM MOHAMAD*

Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan
Institut Kefahaman Islam Malaysia
2, Langgak Tunku, Off Jalan Tuanku Abdul Halim,
50480 Kuala Lumpur, Malaysia
hisyam@ikim.gov.my

NUR SYAHIDAH ABDUL JALIL

Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan
Institut Kefahaman Islam Malaysia
2, Langgak Tunku, Off Jalan Tuanku Abdul Halim,
50480 Kuala Lumpur, Malaysia
nursyahidah@ikim.gov.my

*Corresponding author: hisyam@ikim.gov.my

A PEER-REVIEWED ARTICLE

(RECEIVED – 26/6/2025; ACCEPTED – 2/10/2025; PUBLISHED – 10/12/2025)

DOI: <https://doi.org/10.65404/JAWHAR.302004>

ABSTRACT

Zurri waqf, or family waqf, is a type of waqf that enables the waqf to allocate the usufructs of waqf property to immediate family members, so assuring the wellbeing of the heirs and providing ongoing posthumous rewards. This form of waqf has been present in Malaysia since prior to independence, however its adoption remains constrained. A qualitative study involving semi-structured interviews with field experts, the State Islamic Religious Council (MAIN),

industry stakeholders, and heirs of *zurri waqf* has been conducted to evaluate the viability of this *waqf* as a tool for Islamic inheritance planning. This paper examines the attributes, benefits, constraints on acceptability, and suggests strategies to improve the acceptance of *zurri waqf* in Islamic financial planning. The findings indicate that *zurri waqf* possesses commercialization potential, and this study also presents two fundamental models of inheritance planning instruments grounded in the concept of *zurri waqf*, considering contemporary demands and problems.

Keywords: Family Waqf, *Zurri Waqf*, Hibah, Inheritance Planning

ABSTRAK

Wakaf *zurri*, juga dikenali sebagai wakaf keluarga, ialah satu bentuk wakaf yang membolehkan pewakaf menyalurkan manfaat harta wakaf kepada ahli keluarga terdekat bagi tujuan menjaga kebajikan waris dan pada masa yang sama dapat menjana pahala berterusan selepas kematian mereka. Di Malaysia, wakaf ini telah wujud sejak sebelum merdeka, namun penerimaannya masih kurang meluas. Satu kajian kualitatif menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur terhadap pakar bidang, pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), pemegang taruh, dan waris wakaf *zurri* dijalankan untuk menilai potensi wakaf ini sebagai instrumen perancangan pewarisan Islam. Kajian ini menganalisis ciri, kelebihan, faktor kekurangan sambutan, dan mencadangkan pendekatan untuk meningkatkan penerimaan wakaf *zurri* dalam perancangan kewangan Islam. Hasilnya menunjukkan wakaf *zurri* berpotensi dikomersialkan dan kajian ini turut mencadangkan dua model asas instrumen perancangan pewarisan berdasarkan konsep wakaf *zurri* yang mengambil kira keperluan dan cabaran semasa.

Kata Kunci: Wakaf Keluarga, Wakaf *Zurri*, Hibah, Perancangan Pewarisan

1. PENGENALAN

Dalam konteks perancangan kewangan Islam semasa, konsep hibah dan wasiat merupakan kaedah lazim yang digunakan perancangan pewarisan Islam. Kedua-dua konsep ini telah dikomersialkan dan ditawarkan secara sistematik kepada para pelanggan yang berminat oleh institusi-institusi pengurusan aset

Islam dan penyedia perkhidmatan pewarisan Islam. Namun, selain daripada dua instrumen ini, terdapat satu alternatif pengurusan harta yang sesuai untuk diketengahkan sebagai instrumen perancangan pewarisan iaitu wakaf *zurri*.

Wakaf *zurri* juga dikenali sebagai wakaf ahli atau wakaf keluarga (Jabatan Wakaf dan Haji, 2006). Wakaf *zurri* merupakan satu bentuk wakaf khas di mana penerima manfaat wakaf terdiri daripada mereka yang tertentu sahaja yang telah ditetapkan oleh pewakaf atau *waqif* (Kaft, 1999). Menurut Sabiq (1971), wakaf ahli ditujukan kepada orang-orang tertentu, seorang atau lebih, keluarga *waqif* atau bukan. Ia juga disebut sebagai wakaf *zurri* yang bertujuan untuk memberikan manfaat kepada *waqif*, keluarganya, keturunannya dan orang-orang tertentu tanpa melihat kaya atau miskin, sihat atau sakit serta tua atau muda. Berdasarkan Enakmen Wakaf (Negeri Perak) 2015 Seksyen 10(1), wakaf *zurri* disebut sebagai suatu wakaf yang ditentukan oleh *waqif* untuk keluarganya atau untuk seseorang atau lebih daripada seseorang tertentu bagi tujuan kebajikan [Enakmen 9 Tahun 2015, Enakmen Wakaf (Perak) 2015; Mohamad, Mohd Yusoff & Nordin, 2020; Mohamad, et.al, 2024].

Walaupun amalan wakaf *zurri* ini tidak begitu tersohor (Che Abdullah & Noordin, 2022), namun ini tidak bermaksud wakaf *zurri* tidak diamalkan sama sekali dalam kalangan masyarakat Muslim di negara ini. Terdapat wakaf *zurri* yang telah wujud sejak sebelum kemerdekaan lagi seperti Wakaf Seetee Aisah, Pulau Pinang (1901); Wakaf Haji Abdullah bin Muhamad Al-Fatani, Terengganu (1917) dan Wakaf Tengku Kaya Pahlawan Kelantan (1921) (Mohamad Suhaimi, 2018). Malah di Perak terdapat satu wakaf keluarga yang mengguna pakai prinsip amanah Inggeris seiring dengan roh dan prinsip wakaf pada 1917. Wakaf ini diwujudkan oleh Sultan Idris Murshidul'adzam Shah menerusi Sultan Idris *Estate Enactment 1917 Cap 208* (Md. Dahlan et al., 2021; Mohamad et al., 2024).

Walaupun masyarakat kini kurang berminat untuk berwakaf dalam wakaf *zurri*, ia tidak bermakna konsep wakaf ini tidak mempunyai kelebihan dalam pengurusan harta keluarga Islam. Sebaliknya, jika wakaf *zurri* ini diberi suntikan nilai-nilai keperluan pengurusan kewangan semasa, ia mempunyai potensi untuk menarik minat ahli masyarakat untuk berwakaf dan dapat membuka ruang kepada usaha pengkomersialan bagi menjadikan lebih inovatif serta mampu bersaing dengan produk-produk kewangan Islam yang sedia ada di pasaran.

2 . SOROTAN LITERATUR

2.1 Kewujudan dan pensyariatan wakaf *zurri*

Pada zaman Nabi SAW, para sahabat telah melaksanakan wakaf di mana penerima manfaat wakaf kebanyakannya terdiri daripada sanak saudara pewakaf itu sendiri. Malah Imam Al-Syafie menukilkan dalam *al-Umm* bahawa seramai 80 orang sahabat daripada golongan Ansar telah melakukan *sadaqat muharramat* (iaitu terma yang digunakan oleh beliau untuk merujuk kepada wakaf) dengan kebanyakan manfaat wakaf tersebut dikhaskan kepada saudara-mara dan keturunan pewakaf, sama ada secara eksklusif atau secara bersama dengan penerima manfaat yang lain (Sadique et al., 2016).

Walaupun terdapat beberapa jenis wakaf yang mengkhususkan manfaatnya untuk kebajikan waris atau ahli keluarga pada zaman Nabi SAW, namun wakaf kebun Bairuha' yang dibuat oleh Abu Talhah yang terkesan dengan ayat yang ke-92 dalam *Surah Ali Imran* merupakan antara salah satu wakaf *zurri* atau wakaf ahli yang terawal yang seumpamanya direkodkan dalam sejarah Islam berdasarkan hadith Nabi SAW yang diriwayatkan dalam Sahih al-Bukhari (Jilid 2, Hadith Nombor 0752).

Meskipun wakaf yang dibuat oleh Abu Talhah ini merupakan antara wakaf keluarga yang terawal, para ulama berpendapat bahawa wakaf pertama di mana keluarga seseorang dikira sebagai salah satu kelompok penerima manfaat wakaf ialah wakaf yang dibuat oleh 'Umar r.a. Baginda menerima sebidang tanah rampasan perang di Khaibar, dan telah mewakafkan tanah tersebut untuk manfaat golongan miskin, kaum kerabat, pembebasan hamba, jihad, golongan musafir dan para tetamu (Suhaimi, 2018; Sadique et al., 2016). Hal ini telah dinukilkan di dalam hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim seperti berikut:

Daripada Ibnu Umar r.a: Bahawa Umar bin Khattab mendapat tanah di Khaibar, lalu ia datang menghadap Nabi SAW untuk bertanya tentang tanah itu. Katanya: "Hai Rasulullah! Saya mendapat tanah di Khaibar dan belum pernah saya mendapat harta benda yang lebih indah dari itu dalam pandangan saya. Apakah yang Tuan perintahkan tentang tanah itu?" Sada Baginda: "Jikalau engkau mahu, wakafkan!" Kata Rawi: "Lalu diwakafkan oleh Umar. Tanah itu tiada boleh dijual, diberikan atau

dipusakakan. Dan manfaatnya diberikan untuk fakir miskin, karib kerabat, untuk memerdekakan hamba sahaya, untuk jalan Allah (membantu agama Allah), untuk orang yang dalam perjalanan dan untuk tetamu. Orang yang memeliharanya boleh mengambilnya dengan cara yang patut dan memberi makan orang lain, akan tetapi tidak boleh menimbun harta.”

(Sahih Bukhari, Jilid 3, no. 1257)

‘Umar r.a. turut menjadi orang yang pertama mendokumentasikan wakaf yang dilaksanakan dalam Islam. Selepas kewafatan Nabi SAW, ‘Umar r.a. memutuskan untuk mendokumentasikan secara bertulis wakafnya di Khaibar. Beliau telah menjemput beberapa sahabat Nabi SAW untuk mengesahkan dokumen tersebut. Menurut Jabir r.a., apabila berita itu tersebar, setiap pemilik hartanah membuat wakaf tertentu. Sebahagian daripada mereka telah mensyaratkan buah-buahan dan hasil wakaf mereka hendaklah terlebih dahulu diberikan kepada anak-anak dan keturunan mereka sendiri; dan sekiranya ada lebih barulah ia diberikan kepada fakir miskin — dan wakaf sebegini dikenali sebagai wakaf keturunan atau wakaf keluarga (Kahf, 2003).

Sebenarnya wakaf yang dibuat oleh ‘Umar r.a. adalah satu kategori wakaf yang dikenali sebagai wakaf *musytarak* iaitu gabungan beberapa jenis wakaf menjadi satu. Dalam kes wakaf yang dibuat oleh ‘Umar r.a., ia adalah gabungan antara wakaf *zurri* atau wakaf ahli dengan wakaf *khayri* berdasarkan takrifan klasifikasi kaedah perwakafan dalam JAWHAR (2022) dan juga Kahf (2001). Dalam hadith berkaitan wakaf tanah ‘Umar r.a. di Khaibar tersebut, penerima manfaat (mawquf ‘alayh) terdiri daripada dua kumpulan utama iaitu kaum kerabat yakni wakaf *zurri* atau ahli; dan bukan kaum kerabat yakni wakaf *khayri*. Hadith ini juga menjadi landasan keabsahan amalan wakaf *zurri* dan juga wakaf *musytarak* secara syariah (Fahrurroji, 2018).

Dari sudut Syariah, penetapan ahli keluarga dan keturunan sebagai penerima wakaf menerusi wakaf *zurri* ini adalah seiring dengan matlamat menjaga kebajikan ahli keluarga yang dinyatakan dalam satu hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari:

Daripada Saad r.a., katanya: Sewaktu saya sakit di Mekah, Nabi SAW datang melihat saya. Saya berkata: “Saya memiliki

sejumlah harta. Saya akan membuat wasiat untuk menyerahkan seluruh harta saya itu.” Jawab Rasul: “Tidak boleh!” “Setengah?” kataku. “Tidak.” jawab Rasul. “Apakah boleh sepertiga?” tanyaku lagi. Rasul menjawab: “Sepertiga boleh, tetapi masih terlalu banyak. Engkau lebih baik meninggalkan ahli warismu dalam keadaan kaya, daripada kamu tinggalkan mereka dalam keadaan melarat dan menjadi beban kepada orang lain. Semua pengeluaran yang kamu belanjakan adalah sedekah dan berpahala bagimu. Bahkan sesuap nasi yang engkau berikan kepada isterimu. Mudah-mudahan janganlah Allah menjadikan engkau seorang yang berguna bagi kelompok manusia, tetapi mendatangkan malapetaka bagi kelompok lain.”

(Sahih Bukhari, Jilid 4, no.1626)

Walaupun hadith ini tentang larangan mewasiatkan harta melebihi 1/3 kepada bukan waris, namun larangan Nabi SAW itu bagi memastikan kebajikan ahli keluarga terpelihara selepas kematian pemilik harta. Melalui kaedah faraid, waris-waris yang berhak akan mendapat bahagian masing-masing. Namun kebajikan, solidariti dan keutuhan hubungan kekeluargaan dan keturunan dapat dikuatkan lagi menerusi wakaf *zurri* kerana manfaatnya dapat turut dirasakan oleh lapisan keturunan selepas anak yakni cucu cicit dan waris-waris yang hidup selepas mereka.

Konsep seperti wakaf untuk keluarga atau wakaf *zurri* ini tidak wujud dalam sistem perundangan Barat sehinggalah pada akhir abad ke-20. Malah *Encyclopedia Americana* telah memperakui bahawa wakaf yang diwujudkan khas bagi memberi manfaat kepada kaum kerabat dan keturunan ini merupakan satu inovasi yang dibuat oleh Islam. Ia bukan sesuatu konsep yang diambil oleh Nabi SAW daripada institusi-institusi yang seumpamanya yang ada di Mesir, Yunani atau Rom. Sebaliknya, wakaf *zurri* ini merupakan satu bentuk wakaf yang bertitik tolak daripada nasihat Nabi SAW yang bersandarkan kepada wahyu kepada para sahabat supaya berwakaf dan berbuat baik kepada kaum kerabat (Sadique et al., 2016).

2.2 Ciri-ciri Wakaf *Zurri*

Hibah dan wasiat telah sinonim dengan masyarakat Islam terutama dalam konteks pengurusan harta kewangan Islam. Kedua-dua instrumen tersebut mempunyai kelebihan tersendiri. Wakaf *zurri* pula menawarkan elemen

tambahan seperti, pertama, penjanaaan pahala kepada pewakaf dan manfaat berterusan selagi harta itu wujud asbab pengekaln harta wakaf tersebut.

Kedua, wakaf *zurri* dapat membina dan mengukuh hubungan persaudaraan serta kasih sayang sesama ahli keluarga dan saudara-mara yang berkongsi asal keturunan yang sama (Ahmad Sanusi, Yaacob & Md. Salleh., 2021). Ini adalah selaras dengan keutamaan dalam bab sedekah dan berinfak yang hendaklah didahulukan kepada kaum keluarga. Dalam satu hadith yang diriwayatkan oleh Salman bin Amir di mana Nabi SAW bersabda yang bermaksud:

“Sesungguhnya sedekah kepada orang miskin hanya mendapat pahala sedekah, sedangkan sedekah kepada orang yang masih memiliki hubungan kerabat mendapat dua pahala: pahala sedekah dan menyambung persaudaraan.”

(Sunan An-Nasai, Jilid 3, no. 2442)

Ketiga, wakaf *zurri* memastikan harta pewakaf kekal lama dan manfaat yang terhasil pula dapat memastikan kebajikan pewaris terpelihara. Dianggarkan bahawa 70 peratus keluarga kaya akan kehilangan kekayaan mereka pada generasi kedua dan 90 peratus akan kehilangannya pada generasi ketiga (Kleinhandler, 2018). Menerusi pendekatan wakaf *zurri*, secara strateginya, selain daripada dapat mengagih manfaat harta tadi demi kebajikan pewaris, pewakaf dapat merancang pemeliharaan hartanya dari satu generasi ke generasi secara berkekalan dan berterusan.

3. METODOLOGI

Kajian ini dijalankan menerusi kaedah kualitatif iaitu melalui pelaksanaan temu bual separa berstruktur terhadap empat responden. Kaedah ini lebih sesuai kerana pengkaji boleh mendapatkan maklumat terus daripada responden dengan lebih jelas (Seidman, 2006). Selain itu, kaedah temu bual separuh berstruktur juga membolehkan individu yang ditemu bual sentiasa terpandu, merasa bebas dan kemungkinan dapat mengutarakan beberapa isu baharu yang sebelumnya tidak diketahui penyelidik serta mudah memahami fokus perbincangan yang diutarakan oleh penyelidik (O’Keeffe et al., 2015).


Responden kajian telah dipilih melalui kaedah persampelan tujuan (purposive sampling) di mana pemilihan adalah berfokus pada kumpulan tertentu dan bersesuaian dengan kajian berdasarkan kelayakan dan kepakaran mereka (Tahajuddin et al., 2021) serta kewujudan mereka dalam populasi yang dikaji, ciri-ciri, pengalaman atau kriteria-kriteria yang lain (Stratton, 2024). Dalam kajian ini, responden yang dipilih mewakili empat segmen kajian iaitu pakar bidang, pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), pihak industri dan waris. Responden pertama (R1) merupakan salah seorang Pengurusan Tertinggi bagi sebuah Majlis Agama Islam Negeri. Responden kedua (R2) merupakan ahli Pengurusan Tertinggi bagi satu agensi agama dan menjadi pakar rujuk utama dalam urusan hukum hakam agama Islam di dalam negeri. Responden ketiga (R3) pula ialah salah seorang daripada Pengurusan Tertinggi bagi satu agensi perniagaan yang menawarkan perkhidmatan pengurusan dan perancangan kewangan berlandaskan syariah. Manakala responden keempat (R4) ialah Pengurusan Tertinggi bagi satu persatuan waris wakaf *zurri* di Malaysia.

Temu bual responden dijalankan secara bersemuka dan telah berlangsung selama 1 jam. Bagi R1, R3 dan R4, temu bual telah berlangsung dengan kehadiran wakil daripada agensi atau persatuan yang berkaitan. Dapatan daripada temu bual telah dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tematik. Tema-tema tersebut dikategorikan berdasarkan responden kajian seterusnya digunakan dalam membangunkan model wakaf *zurri* sebagai instrumen perancangan pewarisan.

4. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Analisis Tema

Analisis data kajian ini menggunakan kaedah induktif yang merujuk kepada pendekatan menggunakan pembacaan terperinci terhadap data mentah bagi memperoleh konsep, tema, atau model melalui tafsiran yang dibuat oleh penilai atau penyelidik (Thomas, 2006). Tujuan utama pendekatan ini digunakan adalah untuk membolehkan penemuan kajian terhasil daripada tema-tema berdasarkan kekerapan, kedominanan atau kepentingannya dalam data mentah, tanpa kekangan mengikut metodologi yang berstruktur (Thomas, 2006). Hasil analisis ini menemukan tujuh tema utama yang dibincangkan dalam temu bual yang diadakan. Tema-tema ini adalah seperti mana Rajah 1 yang berikut:



Rajah 1: Analisis Tema Temu Bual

4.2 Perbincangan Analisis Tema

Jadual 1 yang berikut merupakan ringkasan kepada perbincangan analisis tema untuk temu bual yang dilakukan ke atas responden-responden terpilih.

Jadual 1: Analisis Tema Temu Bual

Tema	MAIN (R1)	Pakar Bidang (R2)	Industri (R3)	Waris (R4)
Instrumen tambahan kepada instrumen sedia ada	Bersetuju	Bersetuju	Bersetuju	Bersetuju
Pelaksanaan wakaf <i>zurri</i> sebagai wakaf <i>muaqqat</i>	Boleh diteroka	Boleh dilaksanakan dengan mengambil pandangan selain Mazhab Syafii	Tidak harus disekat 2 generasi sahaja. Wujud parameter dalam pengagihan manfaat	Tiada soalan berkaitan wakaf <i>muaqqat</i>

Tema	MAIN (R1)	Pakar Bidang (R2)	Industri (R3)	Waris (R4)
Kadar upah	Sebahagiannya tiada upah. Bahkan R1 perlu mengeluarkan kos seperti bayaran cukai tanah	Khuatir sekiranya wakaf <i>zurri</i> dimanipulasi bagi tujuan mendapat upah (apabila dikomersialkan)	Ada tawarkan satu produk hibah yang menyerupai wakaf <i>zurri</i> dengan kadar upah adalah fleksibel	Belum mengambil upah mengurus persatuan. Namun, ada rancangan ke arah itu pada masa depan
Sambutan/ penerimaan wakaf <i>zurri</i>	Kurang sambutan dan kurang promosi. R1 mengurus wakaf <i>zurri</i> yang sedia ada sahaja	Tiada soalan tentang sambutan/ penerimaan	Produk berkaitan wakaf <i>zurri</i> , berpotensi untuk mendapat sambutan.	Sambutan/ penerimaan sebagai waris adalah baik. Waris turut mencadangkan kepada masyarakat lain
Potensi sebagai instrumen pewarisan	Berpotensi	Satu perkara yang baik	Sudah ada produk hibah yang mempunyai ciri hampir sama dengan wakaf <i>zurri</i>	Berpotensi sebagai satu pendekatan perancangan kewangan
Prosedur/ mekanisme pelaksanaan wakaf <i>zurri</i>	Cenderung terhadap kewujudan waris secara berpesatuan berbanding waris secara individu	Pengurusan secara bersama antara MAIN dengan pihak yang terlibat	Memilih sebagai fasilitator atau operator. MAIN kekal menjadi mutawalli	Persatuan bercadang untuk mengambil alih pengurusan amanah dengan pantauan MAIN
Cabaran wakaf <i>zurri</i>	Limitasi daripada pihak pengurusan dan sentimen waris terhadap wakaf <i>zurri</i>	Persepsi kesedaran masyarakat serta isu syariah dari sudut pengkomersialan wakaf <i>zurri</i>	Halangan birokrasi dan kekangan kepakaran MAIN	Kekangan dokumentasi dan maklumat yang terperinci berkaitan pengagihan hasil wakaf <i>zurri</i>

Secara umumnya kesemua responden bersetuju wakaf *zurri* boleh dijadikan sebagai salah satu instrumen pewarisan/perancangan kewangan. Sebagai satu nilai tambah, pengkaji meneroka pelaksanaan instrumen pewarisan ini diadakan secara bertempoh (wakaf muaqqat). Antara tujuannya adalah kerana tidak semua MAIN meletakkan peruntukan wakaf *zurri*/ahli/

keluarga dalam enakmen negeri masing-masing (Daud, 2023). Tambahan lagi, perwakafan *zurri* secara bertempoh juga dilihat boleh menarik MAIN untuk mempromosikannya kerana manfaat wakaf itu akhirnya akan dinikmati oleh masyarakat umum selepas satu tempoh tertentu.

Dalam temu bual yang dijalankan, R1 dan R2 bersetuju kaedah perwakafan secara bertempoh diteroka dalam konteks wakaf *zurri* sebagai instrumen pewarisan. R3 bagaimanapun mencadangkan wakaf *zurri* tidak harus dihadkan kepada dua generasi sahaja. Sebaliknya ia dikekalkan selama-lamanya kerana pengehadan itu dikhuatiri boleh mendatangkan isu ketidakyakinan masyarakat terhadap pengurusan harta wakaf oleh MAIN. Menurutny lagi masyarakat mempunyai jangkaan bahawa harta yang diwakafkan dapat diurus dengan baik, dan keturunan mereka akan kekal menerima manfaat tersebut. Dalam konteks ini, agihan manfaat harta bagi wakaf *zurri* tidak diberikan secara individu. Sebaliknya menurut R3, manfaat akan diberikan berdasarkan parameter tertentu seperti biasiswa dan manfaat penghospitalan kepada waris yang berkenaan.

Dalam konteks upah pula, R1 menyatakan terdapat wakaf *zurri* yang tidak dikenakan caj pengurusan, sebaliknya R1 perlu mengeluarkan kos seperti membayar cukai tanah kerana R1 adalah pemilik berdaftar (pemegang amanah) bagi tanah wakaf tersebut. Pengkaji berpandangan isu ini menyumbang kepada faktor R1 untuk tidak mempromosikan wakaf *zurri*. Walaupun tiada soalan khusus mengenai caj pengurusan wakaf *zurri*, R2 ada menyatakan kebimbangan sekiranya aspek upah dimanipulasi bagi tujuan komersial berdasarkan pemerhatian beliau tentang isu-isu hibah yang dikomersialkan.

Sebagai sebuah entiti yang berorientasikan perniagaan, R3 menyatakan aspek upah akan menentukan nilai ambang (yang tinggi) bagi harta yang akan diuruskan. Ini memandangkan kekompleksan struktur harta yang perlu diurus. Manakala R4 berpandangan, telah sampai masanya pihak persatuan untuk mengambil alih pengurusan amanah wakaf *zurri* dan mendapat bahagian upah sebagai pengurus amanah tersebut.

Dari segi sambutan/penerimaan wakaf *zurri*, R1 cenderung mengurus wakaf *zurri* yang sedia ada sahaja kerana manfaat yang perlu diurus untuk sesuatu keturunan adalah bersifat selama-lamanya (negeri belum mengamalkan wakaf muaqqat). R3 dan R4 berpandangan wakaf *zurri* sebagai salah satu

instrumen pewarisan mempunyai potensi mendapat sambutan yang baik. Bahkan R3 telahpun mempunyai satu produk hibah yang menyerupai konsep wakaf *zurri*.

Dalam mekanisme pelaksanaan wakaf *zurri*, R1 cenderung waris wujud secara berpersatuan untuk memudahkan urusan agihan. R2 pula berpandangan wakaf *zurri* wajar diurus secara bersama di antara MAIN dengan pihak yang terlibat. R3 menyatakan bahawa pihaknya (industri) memadai hanya dilantik sebagai operator dan MAIN sebagai mutawalli bagi tujuan semak dan imbang. Manakala R4 merancang untuk mengambil alih pengurusan amanah dengan pantauan pihak MAIN.


Satu lagi tema yang perlu diberi perhatian ialah tentang cabaran pelaksanaan wakaf *zurri* bagi tujuan pengkomersialan. Terdapat limitasi dalam pengurusan wakaf *zurri* khususnya konteks kefahaman dalam kalangan pemegang taruh yang terlibat. Selain itu, pelaksanaan wakaf *zurri* turut memberikan cabaran dalam konteks sentimen waris yang dilihat masih mempunyai “sense of belongings” terhadap harta wakaf tersebut berdasarkan maklum balas R1. Bagi R4 pula, akses kepada maklumat yang lebih terperinci berkaitan pengagihan manfaat wakaf dilihat sebagai satu cabaran dalam pelaksanaan wakaf *zurri*.

Wakaf *zurri* yang sedia ada di Malaysia kebanyakannya adalah wakaf *zurri* yang wujud sebelum kemerdekaan. Walaupun mungkin umat Islam berminat untuk melakukan wakaf *zurri*, namun lokasi dan nilai harta mungkin menjadi satu kekangan berdasarkan maklum balas responden. Oleh itu, cadangan untuk mengumpulkan (pool) harta-harta umat Islam untuk melaksanakan wakaf *zurri* boleh menjadi cabaran kepada MAIN dan pihak industri yang terlibat.

4.3 Cadangan Model


Berdasarkan kajian, pengkaji mencadangkan dua model asas untuk membangunkan kerangka wakaf *zurri* sebagai satu instrumen pewarisan yang boleh ditawarkan secara komersial seperti dalam Rajah 2 dan Rajah 3. Kerangka asas pembinaan model ini ialah menggunakan kaedah *musytarak* di mana wakaf ahli (*zurri*) digabung bersama-sama dengan wakaf *khayri* (wakaf am) dan menggunakan kaedah perwakafan secara bertempoh

(wakaf muaqqat). Model-model ini juga mencadangkan dua pendekatan iaitu pengurusan secara individu bagi individu bernilai bersih tinggi dan pengurusan secara kumpulan bagi masyarakat awam.



Rajah 2: Model 1 Wakaf Zurri bagi Harta Perseorangan/Kumpulan

Model 1 mengkhususkan kepada peranan pihak industri sebagai *mutawalli*. Dalam model ini, pihak industri perlu mendapatkan status *mutawalli*. Pelanggan produk atau pewakaf boleh terdiri daripada seorang individu bernilai bersih tinggi atau beberapa individu yang hartanya dikumpulkan. Seterusnya, pihak industri akan melaksanakan projek untuk menjana pendapatan bagi harta yang diwakafkan. Hasil manfaat daripada pelaksanaan projek kemudiannya diagih kepada waris. Dalam masa yang sama, pihak industri akan mengambil upah pengurusan yang bersesuaian dan mengagihkan bahagian kepada MAIN sebagai pemegang amanah. Selepas tamat tempoh sebagaimana yang ditetapkan, wakaf *zurri* akan diubah menjadi wakaf am dan dikembalikan kepada pihak MAIN selaku pemegang amanah tunggal.



Rajah 3: Model 2 Wakaf Zurri bagi Harta Kumpulan, Pihak Industri sebagai Operator

Model 2 mengkhususkan kepada peranan pihak industri sebagai operator. Oleh kerana pihak industri bertindak hanya sebagai operator, pengkaji mencadangkan model ini menggunakan pendekatan harta kumpulan sahaja. Pewakaf-pewakaf akan menyerahkan harta wakaf (zurri) kepada pihak MAIN. Seterusnya, MAIN akan menghimpunkan harta wakaf tersebut dan melantik pihak industri sebagai operator untuk menjalankan projek penjanaan pendapatan. Manfaat yang terbit daripada projek penjanaan pendapatan itu kemudiannya diagihkan kepada waris. Sebahagiannya pula akan diserahkan kepada pihak MAIN selaku pemegang amanah tunggal. Pihak industri dalam masa yang sama akan mengenakan caj-caj berkaitan tugas operator

kepada pihak MAIN. Selepas tamat tempoh yang ditetapkan, harta wakaf itu akan dikembalikan semula kepada MAIN sebagai wakaf am.

Ringkasan ciri-ciri model adalah sebagaimana yang dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 2: Ciri-ciri model wakaf *zurri* sebagai instrumen pewarisan

	Model 1	Model 2
Peranan pihak industri	<i>Mutawalli</i> , pengurus/pelaksana projek menjana pendapatan dan agihan manfaat.	Operator, pengurus/pelaksana projek menjana pendapatan dan agihan manfaat.
Jenis Harta	Tunai/saham/hartanah komersial (sewa)	Tunai/saham/hartanah komersial (sewa)
Nilai ambang harta	Diurus secara individu – tinggi Diurus secara sekumpul – lebih rendah	Diurus secara sekumpul – lebih rendah
Pendekatan pengurusan harta	Individu/Kumpulan	Kumpulan
Caj yang boleh dikenakan	Pendaftaran, pengurusan, mudarib, pengurusan agihan	Pendaftaran, operator, pengurusan, mudarib, pengurusan agihan
Tempoh	Wakaf <i>zurri</i> untuk satu tempoh (2 generasi), kemudian menjadi wakaf am	Wakaf <i>zurri</i> untuk satu tempoh (2 generasi), kemudian menjadi wakaf am

Sumber: Muhammad Hisyam Mohamad & Nur Syahidah Abdul Jalil (2025) – rumusan berdasarkan temu bual pengkaji dengan responden

Pada peringkat permulaan, jenis harta yang praktikal untuk dijadikan wakaf *zurri* dilihat sesuai yang terdiri daripada jenis tunai, saham atau hartanah komersial. Bagaimanapun, ia tidak bermaksud harta yang sesuai diwakafkan sebagai wakaf *zurri* terhad kepada jenis yang dinyatakan sahaja.

Dalam kedua-dua model ini juga, cadangan pengehadan manfaat untuk diterima sehingga dua generasi sahaja adalah berdasarkan amalan wakaf *zurri* di negeri Johor yang mengehadkan manfaat diterima sehingga dua

generasi sahaja (Abdul Samad et al., 2022) dan produk hibah komersial yang ditawarkan oleh R2, yang menyerupai wakaf *zurri* di mana manfaatnya terhad sehingga 80 tahun sahaja sebelum dibubarkan. Bagaimanapun, tempoh penghadan ini tidak bersifat muktamad kerana wakaf adalah bersifat *ijtihadi*.

Walaupun dihadkan untuk satu tempoh, niat asal pewakaf agar hartanya digunakan bagi tujuan kebajikan selama-lamanya masih terpelihara kerana terus bersambung menjadi wakaf *khayri*. Cadangan penghadan ini juga mengambil kira input daripada R4 (waris) yang menyatakan persediaan bahawa manfaat sebagai waris tidak semestinya akan kekal untuk selama-lamanya. Justeru, R4 giat berusaha untuk menjadikan persatuan waris dapat bergerak secara mandiri melalui bidang perniagaan menggunakan dana manfaat wakaf *zurri* yang masih diterima sekali gus meneruskan niat murni pewakaf agar kebajikan keturunan dapat diteruskan.

5. KESIMPULAN

Wakaf *zurri* berpotensi tinggi dijadikan sebagai satu instrumen perancangan pewarisan yang dapat dikembangkan dalam sistem perancangan kewangan Islam selain hibah, wasiat dan faraid. Walaupun penerimaan dan pelaksanaannya masih belum meluas dalam kalangan masyarakat mahupun pihak berkaitan di Malaysia, dapatan kajian menunjukkan bahawa pihak-pihak berkepentingan khususnya MAIN sebagai pemegang tunggal dan pihak industri bersedia meneroka konsep wakaf *zurri* sebagai instrumen pewarisan.

Cabaran dari segi jenis harta, kaedah berwakaf (bertempoh/kekal), kecekapan pengurusan, upah dan penerimaan waris yang dikenal pasti dalam kajian perlu ditangani secara sistematik agar perkara ini dapat dilaksana dengan lebih baik antaranya melalui kerjasama erat di antara MAIN dengan pihak industri. Selain itu, kesedaran masyarakat dan pihak pemegang taruh yang terlibat dalam aspek pewarisan umat Islam di Malaysia juga perlu diperkukuhkan melalui pendidikan dan pendedahan maklumat yang meluas.

Kajian ini mencadangkan dua model asas pelaksanaan wakaf *zurri* berdasarkan konsep campuran di antara wakaf ahli (*zurri*) dengan wakaf *khayri* (wakaf am) menggunakan pendekatan wakaf secara bertempoh yang bermatlamatkan

praktikaliti dan menjamin niat asal ke arah kebajikan diteruskan. Kedua-dua model ini juga mengambil kira peranan pihak industri sebagai *mutawalli*/operator, dan juga tentang pendekatan pengurusan harta secara individu dan kumpulan (pool).

Penting untuk difahami bahawa sebarang penetapan parameter ke atas pelaksanaan wakaf adalah berdasarkan keperluan semasa. Ini kerana, menurut Syahnaz (2008), setiap perkara berkaitan dengan wakaf adalah merupakan persoalan ijtihad dan ulama bersepakat bahawa tujuan wakaf mestilah membawa kepada kebaikan (*birr*). Disebabkan sifat *ijtihadi* tersebut, wakaf terbuka kepada pentafsiran-pentafsiran baru, dinamik dan realistik yang boleh dikembangkan potensinya sesuai dengan keperluan zaman (Syahnaz, 2008).

Dapatan kajian ini adalah berdasarkan kepada analisis ciri dan kelebihan serta kekurangan yang dimiliki oleh wakaf *zurri* dalam konteks perundangan semasa di Malaysia. Manakala model-model yang dicadangkan di dalam artikel ini pula merupakan model-model yang belum dibuktikan keberkesanan pelaksanaannya.

Justeru bagi kajian lanjutan, pemerhatian dari sudut implikasi perundangan tentang keterbatasan peruntukan undang-undang menyekat inovasi dalam pelaksanaan wakaf *zurri* dan apakah bentuk pindaan yang wajar diteroka. Seterusnya, kajian keberkesanan Model 1 dan Model 2 boleh dilaksanakan menerusi simulasi kewangan untuk menilai kebolehlaksanaan model tersebut oleh pihak industri baik sebagai mutawalli atau sebagai operator. Selain itu, kajian kelestarian pewarisan harta iaitu tentang sejauh mana manfaat wakaf *zurri* boleh menjamin kebajikan waris sehingga generasi kedua dan seterusnya, berbanding risiko kehilangan kekayaan keluarga seperti yang sering berlaku dalam harta pusaka biasa juga boleh diteroka.

6. PENGHARGAAN

Penulisan ini merupakan sebahagian daripada dapatan kajian yang mendapat suntikan dana daripada Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) di bawah projek bertajuk “Kajian Konseptual Potensi Penggunaan Wakaf *Zurri* Sebagai Satu Instrumen Perancangan Pewarisan Kontemporari.”

7. RUJUKAN

- Abdul Samad, S., Che Abdullah, A. S., Noordin, K., & Penulis Penghubung. (2022). *Preliminary Findings on the Practice of Waqf Ahli in 5 State Islamic Religious Councils (SIRC)s in Malaysia: A Study from the Aspects of Waqf Beneficiaries [Special Issue]*. *Jurnal Pengajian Islam*, 96 – 113.
- Ahmad Ibn Syuaib Abu Abdul Rahman (2013). *Ensiklopedia Hadits 7 - Sunan An-Nasai'e* (Cetakan 1) (M. Khairul Huda, Ali Hamzah & Muhammad Idris, terjemahan). Penerbit Almahira.
- Ahmad Muhammad Az-Zarqa. (2012). *Syarah Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah*. Damsyik: Dar al-Qalam
- Borham, A. S., & Mahamood, S. M. (2013). Wakaf Korporat Johor Corporation dan Sumbangannya dalam Memenuhi Tanggungjawab Sosial Islam di Malaysia: Satu Tinjauan. *Journal of Techno-Social*, 5(2). <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/JTS/article/view/1387>
- Daud, M. Z., Hussin, M. N. M., & Mohamad, S. a. M. S. (2023). Pembangunan Tamadun melalui Wakaf Keluarga: Analisis dari Perspektif Sejarah Islam *Civilizational Development through Family Waqf: An Analysis from Islamic Historical Perspectives*. *Journal of Al-Tamaddun*, 18(2), 71 – 86. <https://doi.org/10.22452/jat.vol8no2.6>
- Fahrurroji. (2016, September 24). Mengenal apa itu wakaf Musyarak. Mandiri Amal Insani. Diakses pada Mac 12, 2025, daripada <https://mandiriamalinsani.or.id/mengenal-apa-itu-wakafmusyarak/#:~:text=Adapun%20wakaf%20ahli%20adalah%20wakaf,diperuntukan%20bagi%20keluarga%20wakif%2C%20contohnya>
- Gunardi, S., Sahid, M. M., & Nor, A. H. M. (2017). Konsep Al-'Adah Muhakkamah dalam Pewarisan Tanah Adat menurut Adat Perpatih di Malaysia: *The Concept of Al-'Adah Al-Muhakkamah in the Inheritance of Customary Land according to Adat Perpatih in Malaysia*. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 6, 161 – 177. <https://doi.org/10.12816/0051373>
- Jabatan Mufti Negeri Selangor. (2014). Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Negeri Selangor – Fatwa Pelaksana Wakaf Musyarak. Jabatan Mufti Negeri Selangor. Dilihat Mac 5, 2025, <https://www.muftiselangor.gov.my/2023/10/26/fatwa-pelaksanaan-produk-wakaf-musyarak/>
- Jabatan Wakaf Zakat Dan Haji, Jabatan Perdana Menteri, Zin, A. B. M., Jabatan Wakaf Zakat Dan Haji, Jabatan Perdana Menteri, & Hussin, M. Z. B. H. (2006). *Manual Pengurusan Tanah Wakaf*. <https://e-penerbitan.jawhar.gov.my/ManualPengurusan/wakaf/MP-Pengurusan-Tanah-Wakaf>.

- Kahf, M. (1999). *Towards the Revival of Awqaf: A few Fiqhi issues to reconsider. In Harvard Forum on Islamic Finance and Economics*. Harvard University.
- Kahf, M. (2001). *Al-daur al-iqtisodi li nizam al-waqf al-Islami fi tanmiah al-mujtama' al-madani ma'a nadzrati khassah li al-dual al-arabiah syarqiy al-mutawassith*. Kertas kerja yang dibentangkan di Simposium Sistem Wakaf dan Masyarakat Sivil di Negara Arab, Beirut, 8 – 12 Oktober 2001. Laman web Dr. Monzer Kaht. https://monzer.kahf.com/papers/arabic/ECONOMIC_ROLE_OF_WAQF_REVISIED_12-01-2001_BEIRUT.pdf
- Kahf, M. (2003). *The Role of Waqf in Improving the Ummah Welfare. In Islamic University of north Sumatra, International Seminar on “Waqf as a Private Legal Body.”* https://monzer.kahf.com/papers/english/ROLE_OF_WAQF_IN_THE_WELFARE_OF_THE_UMMAH.
- Kleinhandler, D (2018). *Generational Wealth: Why do 70% of Families Lose Their Wealth in the 2nd Generation?* Dicapai daripada <https://www.nasdaq.com/articles/generational-wealth%3A-why-do-70-of-families-lose-their-wealth-in-the-2nd-generation-2018-10>.
- Md. Dahlan, S., Nor Asiah Mohamad, & Nuarrual Hilal Md Dahlan (2021). Royal Waqf in Perak: A Legal and Historical Analysis. *IIUM Law Journal*, 29(2), 299 – 329. <https://doi.org/10.31436/iiumlj.v29i2.629>
- Mohamad, M.H., Abdul Jalil, N.S., & Abdul Rahman, S.F. (2024). A Preliminary Analysis of the Potential of Waqf Zurri as an Islamic Inheritance Planning Instrument in Malaysia. In 3rd. *ICONIE Proceedings 2024-Empowerment of Islamic Philanthropy, Zakat, Waqf & Sadaqah to Achieve Socio Economic Justice* (p. 256 – 268). Kajang: IRCIEF-UIS.
- Mohamad, M. R., Yusoff, Z. M., & Nordin, N. (2020). *[The Implementation of Descendant Waqf in Terengganu]* Pelaksanaan Wakaf Zuriat Di Terengganu. *Malaysian Journal of Islamic Studies (MJIS)*, 4(1), 107 – 114. <https://doi.org/10.37231/mjis.2020.4.1.136>
- Mohamad, N. A. (2018). *A Study on the Socio-Economic Roles of Waqf Ahli (Family Waqf) in Promoting Family Security and a Sustainable Family Economy*. *IIUM Law Journal*, 26(1), 141. <https://doi.org/10.31436/iiumlj.v26i1.383>
- Mutiara Hadis UiTM. (t.t). Hadis Sahih Bukhari Jilid 2. Hadis Nombor 0752. Dicapai daripada <https://sigir.uitm.edu.my/webhadis/>
- Mutiara Hadis UiTM. (t.t). Hadis Sahih Bukhari Jilid 3. Hadis Nombor 1257. Dicapai daripada <https://sigir.uitm.edu.my/webhadis/>
- Mutiara Hadis UiTM. (t.t). Hadis Sahih Bukhari Jilid 4. Hadis Nombor 1626. Dicapai daripada <https://sigir.uitm.edu.my/webhadis/>

- Mutiara Hadis UiTM. (t.t). Hadis Sunan An-Nasai Jilid 3. Hadis Nombor 2442. Dicapai daripada <https://sigir.uitm.edu.my/webhadis/>
- O’Keeffe, J., Buytaert, W., Mijic, A., Brozović, N., & Sinha, R. (2016). *The use of semi-structured interviews for the characterisation of farmer irrigation practices. Hydrology and Earth System Sciences*, 20(5), 1911 – 1924. <https://doi.org/10.5194/hess-20-1911-2016>
- Sadique, M. A., Ansari, A. H., Hingun, M., & Hasan, A. (2016). *Socio-Legal significance of Family waqf in Islamic Law: Its degeneration and revival. IIUM Law Journal*. <https://doi.org/10.31436/iiumlj.v24i2.275>
- Sanusi, S. W. S. A., Yaacob, S. E., & Salleh, M. F. M. (2021). Wakaf Zurri: Instrumen Pengurusan Harta dalam Pembangunan Tamadun Islam. *Journal of Al-Tamaddun*, 16(1), 139 – 152. <https://doi.org/10.22452/jat.vol16no1.10>
- Seidman, I. (2006). *Interviewing as qualitative research: A guide for researchers in education and the social sciences*. In *Interviewing as qualitative research* (3rd ed.). Teachers College Press. https://books.google.com.my/books?id=pk1Rmq-Y15QC&pg=PA14&source=gbs_toc_r&cad=2#v=onepage&q&f=false
- Sri, W., Sakina, A., Fairuz, M., Salleh, M., & Yaacob, S. (2023). The management and implementation of Zurri Waqf in Malaysian Waqf Institution. *Jurnal Pengurusan*, 67. <https://doi.org/10.17576/pengurusan-2023-67-04>
- Stratton SJ. (2024). Purposeful Sampling: Advantages and Pitfalls. *Prehospital and Disaster Medicine*, 39(2), 121 – 122. doi:10.1017/S1049023X24000281
- Suhaimi, F. M. (2018). Wakaf Ahli: Peruntukan Undang-undang dan Pelaksanaannya di Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 6(2), 73 – 81. <https://doi.org/10.33102/mjssl.vol6no2.145>
- Syahnaz binti Sulaiman. (2008). Hukum Pembangunan Tanah Wakaf Khas Menurut Perspektif Syarak. *Jurnal Muamalat Bil.* 1/2008. https://e-muamalat.islam.gov.my/images/pdf-muamalat/4_hukum_pembangunan.pdf (diakses pada 3 April 2025).
- Tahajuddin, S. B., Kassim, A. W. M., Justine, J., & Ibrahim, I. S. (2021). Cabaran dalam Proses Kutipan Data Kaedah Kualitatif ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Pandemik Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(9), 35 – 48. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i9.1034>
- Thomas, D. R. (2006). A general inductive approach for analysing qualitative evaluation data. *American Journal of Evaluation*, 27(2), 237 – 246. <https://doi.org/10.1177/1098214005283748>
- Zeidan, A. (2025, Februari 15). *Waqf*. Encyclopedia Britannica. <https://www.britannica.com/topic/waqf>